

Visi baharu sesuai situasi semasa negara

Kuala Lumpur: Wawasan 2020 yang dijanjikan kepada 2025, bukan bererti visi yang diutarakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1991 itu tidak dapat dicapai.

Bekas menteri dan pakar ekonomi sebaliknya melihat sasaran baharu ditetapkan Dr Mahathir itu adalah untuk disesuaikan dengan situasi semasa supaya relevan dengan kedudukan negara ketika ini.

Bekas anggota Kabinet, Tan Sri Syed Hamid Albar, berkata Wawasan 2020 yang diutarakan 30 tahun lalu tetap diteruskan, tetapi dijanjikan masanya kerana visi itu tergelincir sedikit daripada landasan selepas Dr Mahathir bersara pada 2003.

"Anjakan lima tahun itu bagi memastikan Wawasan 2020 menepati objektifnya, selain mengambil kira peralihan pentadbiran negara daripada Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH). Wawasan 2020 adalah acuan atau kerangka negara bagi menjadi

negara maju, ia sangat jelas.

"Tidak ada masalah dengan wawasan itu, cuma pelaksanaannya tertangguh akibat beberapa cabaran, rintangan dan hambatan tertentu, termasuk pertukaran kepemimpinan negara, perubahan ekonomi dan ledakan teknologi maklumat," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Pencapaian visi tertangguh

Bekas Menteri Dalam Negeri, Menteri Luar dan Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) itu percaya kerajaan memang mahu meneruskan wawasan berkenaan, hanya tempoh mencapainya dilanjutkan kerana pencapaian visi itu tertangguh.

"Ia bukan sesuatu yang salah. Penyesuaian itu perlu dibuat supaya ia relevan dengan masyarakat," katanya yang pernah berkhidmat di bawah tiga Perdana Menteri, iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak.

Sementara itu, Profesor Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)-Graduate School of Business (UKM-GSB), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata Wawasan 2020 sebenarnya hampir berjaya jika diukur dari segi kuantitatif seperti ditetapkan dalam sasaran visi itu.

Katanya, Perdana Menteri dalam ucapannya ketika mengumumkan wawasan itu 30 tahun lalu, menyasarkan pada 2020, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan menjadi lapan kali lebih baik dan pendapatan perkapita rakyat meningkat empat kali ganda berbanding 1990-an.

"Berdasarkan pencapaian semasa, semua itu hampir tercapai apabila KDNK negara pada 1990 hanya RM100 bilion, kemudian melonjak kepada RM1.2 trilion. Begitu juga pendapatan perkapita rakyat pada kadar RM5,854 pada 1990-an, kini meningkat kepada RM42,627.

"Justeru, jika dirujuk angka sasaran ini, pada dasarnya, Malaysia

sudah hampir mencapai wawasan terbabit. Bagaimanapun dari segi sembilan matlamat Wawasan 2020, masih banyak belum dapat dicapai dan menjadi masalah kerana kemungkinan tiada tumpuan diberikan oleh pentadbiran negara," katanya.

Syor wawasan baharu

Dari sudut ekonomi, katanya, Malaysia memang menghampiri wawasan berkenaan, tetapi dari segi kualitatif, masih jauh daripada kerangka visi itu.

"Sewajarnya, bukan Wawasan 2020 dijanjikan lima tahun, sebaliknya lebih baik kerajaan wujudkan wawasan baharu, mungkin dikenali sebagai Wawasan Malaysia Baharu. Ini selaras kenyataan Perdana Menteri sebelum ini bahawa kerajaan kini sedang menjajarkan semula negara," katanya.

Noor Azlan berkata, sudah sampai masanya kerajaan memberi penekanan kepada kerangka ekonomi baharu dan tumpuan kepada

kecanggihan serta karakter ekonomi negara, bukan hanya merujuk elemen makro semata-mata.

"Tumpuan perlu dialihkan kepada daya saing mikro yang mana kerajaan tidak perlu menumpukan kepada pelaburan langsung asing (FDI), eksport, KDNK serta pendapatan perkapita. Tumpu kepada faktor daya saing mikro merujuk kepada keupayaan dan kebolehan negara terus bersaing.

"Angka makro digunakan, kadang-kadang tidak mencerminkan keadaan sebenar kedudukan ekonomi sesebuah negara," katanya yang turut menyarankan kerajaan memberi tumpuan kepada matlamat kualitatif dalam wawasan itu.

"Kerajaan baharu perlu tumpu pembangunan sosial berbanding ekonomi. Faktor kualitatif sangat penting dalam merangka kemajuan masyarakat mengikut acuan Malaysia, terutama dalam aspek moral dan perpaduan yang mudah tercemar dengan keadaan semasa," katanya.